



MOHD Sani membersihkan rumah sewanya di Lahar Ikan Mati, Kepala Batas yang dilanda banjir kilat, semalam.

Letih meranduk air 5 kali setahun

Kepala Batas: “Kami letih meranduk air serta membersihkan rumah kerana dalam setahun empat hingga lima kali banjir kilat berlaku,” kata Nurul Iswani Md Razak, 30, penduduk Lahar Ikan Mati, dekat sini, yang dipindahkan malam kelmarin, selepas rumah sewa mereka dimasuki air setinggi 0.4 meter.

Nurul Iswani berkata, kedudukan rumahnya yang rendah, selain sistem perparitan kurang sempurna menyebabkan banjir kilat sering berlaku.

“Kalau hujan lebat sejam, air mula naik seperti yang berlaku jam 7 petang kelmarin, malah bulan ini saja dua kali banjir kilat, tetapi kelmarin paling teruk

sehingga kami dipindahkan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM),” katanya di sini, semalam.

Selain Lahar Ikan Mati, beberapa rumah di Kampung Datuk terletak berhampiran Sungai Lahar Endin turut dimasuki air.

Penduduk, Mohd Sani Haron, 41, berkata, rumah sewanya sering dimasuki air dalam tempoh lima tahun lalu selepas siapnya Projek Tebatan Banjir Sungai Muda.

Katanya, projek itu berjaya menyelesaikan masalah banjir di kampung berhampiran, tetapi Lahar Ikan Mati dan Kampung Datuk sering dinaiki air setiap kali hujan lebat.

“Seingat saya, tiga atau empat kali laporan polis

dibuat berhubung kejadian banjir kilat, tetapi kejadian petang kelmarin paling teruk kerana air naik sehingga 0.4 meter dalam rumah.

“Parit sedia ada dalam kampung tidak mampu menampung lebihan air dan parit lebih luas perlu dibina,” katanya.

Mohd Sani berkata, parit di tepi jalan utama perlu dilebarkan kepada 0.4 meter hingga 0.5 meter berbanding parit sedia ada.

Sementara itu, Jurutera Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Seberang Prai Utara, Saiful Rizan Sanusi berkata, hujan lebat pada kadar 70 milimeter dalam tempoh sejam menyebabkan paras air Sungai Lahar Endin naik mendadak.